

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, SELAKU PENGERUSI
BARISAN NASIONAL, MELALUI RADIO
MALAYSIA PADA HARI ISNIN, 26HB. JUN,
1978, JAM 8.45 MALAM.

(Rakaman pada Hari Sabtu 24.6.78
jam 4.00 petang di Wisma Radio,
Angkasapuri).

Saudara-saudara sekejian.

Sejak saya memegang jawatan Perdana Menteri hampir 30 bulan yang lalu, inilah pertama kali saya berucap kepada negara melalui radio di atas sifat saya sebagai Pengerusi Barisan Nasional dan juga Pemangku Presiden UMNO Malaysia.

2. Memulakan siri ceramah radio oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional semasa menghadapi Pilihanraya Umum pada 8hb. Julai ini, saya sukalah berterus terang dengan saudara-saudara. Hasrat dan cita-cita

Barisan Nasional ialah hendak mengekalkan keamanan, meningkatkan kemakmuran serta membawa keadilan sosial dan kehidupan yang lebih baik bagi semua.

3. Bagi menjayakan hasrat dan cita-cita ini saya berazam menubuhkan sebuah Kerajaan yang cekap, jujur dan bersih bykan sahaja diperingkat Persekutuan bahkan diperingkat negeri. Oleh itu saya memerlukan sokongan dan kerjasama rakyat khusus pengundi-pengundi.

4. Saya berkehendakkan mandat yang menyeluruh dari pengundi-pengundi dalam semua kawasan Parlimen dan Dewan Udangan Negeri yang dipertandingkan dalam pilihanraya ini.

kuasa kepada Barisan Nasional dibawah pucuk

pimpinan saya. Insya Allah saya akan sentiasa menjunjung tinggi amanah-saudara-saudara itu dan akan melaksanakan kuasa yang diamanahkan kepada saya itu dengan penuh adil dan saksama.

5. Selama tempuh saya memegang jawatan

Perdana Menteri dan pucuk pimpinan parti,

saya telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan sedaya-upaya saya dengan menggunakan bidang kuasa yang diamanahkan kepada saya, melakukan segala-galanya yang patut dan menasabah demi kepentingan negara serta menjamin perpaduan dan keselamatan rakyat berbilang kaum. Saya telah menunaikan tanggungjawab saya dengan penuh keikhlasan hati lagi dengan adil dan saksama kepada semua pihak.

Saudara-saudara sekalian.

6. Pilihanraya pada 8hb. Julai ini amatlah

penting bagi membolehkan Barisan Nasional meneruskan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru. Mandat yang menyeluruh dari pengundi-pengundi kepada Barisan Nasional akan menjamin kemakmuran negara dan kebahagiaan rakyat di masa akan datang.

&. Pilihanraya Umum ini juga penting bagi memastikan sistem hidup rakyat secara bebas dan aman dapat dikekalkan dan seterusnya diwariskan kepada anak-cucu kelak. Hanya

..5A/-

Barisan Nasional yang mempunyai kemampuan mempertahankan pemerintahan demokrasi berparlimen yang telah diasaskan sejak kita mencapai Kemerdekaan. Barisan Nasional tidak tamakkan kuasa tetapi kita memerlukan mandat menyeluruh bagi menjayakan hasrat dan cita-cita sucinya, iaitu membawa keamanan, kemakmuran dan keadilan sosial serta kehidupan yang lebih baik bagi semua.

7. Pengundi-pengundilah yang akan menentukan masa depan negara yang lebih terjamin lagi. Masa depan negara sesungguhnya adalah dalam tangan saudara-saudara sekalian.

Mengundi kepada calon Barisan Nasional

bererti saudara-saudara

...6/-

cintakan keamanan serta ingin menikmati kemakmuran yang lebih meningkat lagi.

8. Barisan Nasional mempunyai kemampuan dan keupayaan. Kami kaya dengan pengalaman, tenaga, kemahiran dan kepakaran. Negara-negara luar dan institusi-institusi kewangan dunia mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada kami. Pemodal dan pedagang-pedagang tempatan dan antarabangsa kenal dan percaya kepada kami. Inilah yang telah memberikan perangsang dan galakan yang kuat kepada kami untuk terus menjayakan pelaksanaan rancangan-rancangan

pembangunan dengan pesat dan giat lagi supaya setiap rakyat benar-benar dapat menikmati faedah dan kesan yang lebih meluas lagi.

9. Memang banyak lagi yang hendak dilakukan bagi membawa kemudahan-kemudahan sosial dan meningkatkan lagi taraf hidup rakyat. Barisan Nasional sentiasa berakhtiar menyampaikan segala-galanya yang baik kepada rakyat ditempat dan kawasan mereka masing-masing. Tetapi dalam sebilangan kawasan, Kerajaan tidak dapat

melaksanakan hasrat dan cita-cita ini sepenuhnya, disebabkan tidak terdapat kerjasama dan persefahaman dengan wakil-wakil rakyat setempat kerana mereka adalah wakil rakyat dari partiparti lawan. Wakil-wakil rakyat dari partiparti lawan ini tidak hendak bekerjasama dengan Kerelaan Barisan Nasional untuk membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat di situ. Akibatnya rakyat menderita dan keadaan hidup rakyat di kawasan-kawasan tersebut tidak dapat diperbaiki. Ditempat-tempat lain penduduk-penduduknya terus menikmati kemudahan

dan faedah dari rancangan dan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional yang telah mentadbirkan negara ini selama hampir 21 tahun.

10. Saya harap kesulitan rakyat dikawasan-kawasan yang mempunyai wakil-wakil rakyat dari parti-parti lawan ini memahami hakikat ini. Barisan Nasional berazam membantu mereka tetapi apakan dayanya wakil-wakil mereka itu tidak hendak menerimanya dan menyampaikan kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat di situ.

11. Saya harap pengundi-pengundi di-kawasan-kawasan itu tidak lagi membuat kesilapan semacam itu. Pilehlah calon-calon Barisan Nasional pada 8hb. Julai ini. Inilah sebaik-baik jalan bagi memastikan saudara-saudara tidak akan ketinggalan dalam bidang kemajuan dan lapangan pembangunan.

11A. Calon-calon Barisan Nasional terdiri dari pemimpin-pemimpin yang benar-benar hendak berkhidmat kepada rakyat. Tetapi ada calon-calon parti-parti lawan yang hanya

..10A/-

berminat untuk mendapat kerusi dalam Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Mereka ini bergerak dari kawasan ke kawasan kerana mencari tempat yang selamat. Ada juga yang hanya aktif dalam pilihanraya sahaja. Saya nasihatkan pengundi-pengundi supaya lebih berhati-hati semasa membuat pemilihan kerana jika salah pilih calon merekalah yang akan menderita dalam lima tahun yang akan datang.

12.

..10B/-

12. Saya sukalah memberi pengakuan pada malam ini untuk membela masa depan saudara-saudara dan masa depan negara supaya masa depan anak-cucu kita akan menjadi lebih terjamin lagi.

..11/-

13. Undilah Barisan Nasional untuk keamanan, kemakmuran, kearah keadilan sosial dan kearah kehidupan yang lebih baik bagi semua.

14. Inilah hasrat dan cita-cita suci Barisan Nasional. Simbol Barisan Nasional ialah DACING. Jangan lupa undilah calon-calon Barisan Nasional pada 8hb. Julai ini.



No Siri	375
No Penerimaan	40/79